

BAB 3 KATA NAMA JAMA' SALĪM.

3.0 PENGENALAN.

Jama' Mudhakkār Salīm ialah suatu lafaz yang menunjukkan bilangan lebih daripada dua . Ia berlaku dengan penambahan pada akhir Kata nama Mufrad, iaitu dengan penambahan huruf و dan ن ketika ia dalam keadaan marfū' (nominatif).

Manakala ketika ia dalam keadaan manṣūb (akusatif) dan majrūr (genitif) ditambah huruf ي dan ن. (Muhammad As'ad al-Nādiri: Nahw al-Lughah al-Arabiyyah: 40).

Ia disifatkan sebagai Kata nama Jama' Mudhakkār Salīm kerana perkataan asalnya (kata nama mufradnya) tidak berubah sekalipun ditukar kepada Kata nama Jama', cuma berlaku penambahan pada akhir perkataan sahaja. Contohnya perkataan مُحَمَّدُونَ merupakan Kata nama Jama' kepada perkataan مُحَمَّدٌ . Walaupun perkataan tersebut diJama'kan, tetapi ia tidak lari daripada bentuk asal ketika mufrad, cuma ditambah huruf و dan ن pada akhir perkataan sahaja.

(Muhammad As'ad al-Nādiri: 1997: 40).

Manakala kata nama Jama' Mu'annath Salīm ialah sejenis Kata nama Mu'annath yang ditambah pada akhirnya dengan huruf alif dan huruf tā' yang menūnunjukkan mu'annath (التاء التانيث). (Marji' al-Thullāb: Ibrahim Syamsudin: 140).

Oleh yang demikian , tidak menjadi kesalahan sekiranya ia dinamakan sebagai Kata nama Jama' Mu'annath Salīm kerana ia hanya berlaku perubahan pada pola kata nama daripada mufrad kepada Jama' . Contoh Kata nama Jama' Mu'annath Salīm ialah seperti berikut :-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
المُسْلِمَةُ	seorang Islam	المُسْلِمَاتُ
المُؤْمِنَةُ	seorang mukmin	المُؤْمِنَاتُ
الطَالِبَةُ	seorang pelajar	الطَالِبَاتُ

3.1 SYARAT-SYARAT KATA NAMA JAMA' MUDHAKKAR SALĪM.

Kata nama yang boleh dijadikan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm mestilah mempunyai syarat-syarat yang tertentu, antaranya ialah:-

- i. Kata nama untuk maskulin yang berakal serta tidak berhubung dengan tā' ta'nīth tambahan seperti حَمَالٌ, نَبِيلٌ, عَلِيٌّ dan lain-lain lagi. Perbincangan mengenai perkara ini adalah seperti di bawah :-
- a) Sekiranya perkataan tersebut bukan daripada Kata nama Khas, tidak harus dijadikan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm. Sebagai contoh perkataan رَجُلٌ (seorang lelaki) tidak boleh dijadikan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm kerana ia bukan terdiri daripada kata nama khas sebaliknya ia adalah kata nama jāmid. Jika ia ditaṣghīrkan (mīmitan) atau kata nama yang berhubung dengan yā' nisbah dibolehkan Jama' Mudhakkar Salīm, contohnya:-
- رُجُلُونَ merupakan Kata nama Tasghir daripada perkataan رَجُلٌ dan وَطَنِيُونَ merupakan Kata nama yang berhubung dengan yā' nisbah daripada perkataan mufrad وَطَنِيٌّ (tanah air).
- b) Sekiranya kata nama itu khusus untuk feminin tetapi tidak berhubung dengan tā' ta'nīth seperti زَيْنَبٌ atau kata nama khusus untuk maskulin tetapi tidak berakal seperti kata nama khas bagi anjing iaitu أَشَقُّ atau kata nama untuk

maskulin yang berakal tetapi diakhiri dengan tā' ta'nīth seperti حَمَّةٌ dan حَمْرَةٌ, maka tidak harus dijadikan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm.

(Muhammad As'ad al-Nādiri: 1997: 41).

- c) Sekiranya kata nama itu ditarkibkan (digabungkan) sama ada tarkib isnādiy atau tarkib mazjiy atau tarkib 'adadiy, maka tidak boleh dijadikan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm. Namun begitu, ia harus dijadikan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm sekiranya perkataan tersebut diiringi dengan ذُو yang memberi maksud صَاحِبٌ (empunya), contohnya:-

ذَوُو رَزَقٍ اللّٰهُ (mereka yang mempunyai kurniaan Allah).

- d) Sekiranya sesuatu perkataan itu ditarkibkan dengan tarkib idhāfiy, untuk dijadikan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm hendaklah diJama'kan pada perkataan yang pertama iaitu muḍaf dan hendaklah dikekalkan muḍaf ilaih dalam bentuk mufrad, contohnya:

جَاءَ عَبْدُو الْعَزِيزِ (Beberapa orang Abdul Aziz telah datang).

(Muhammad As'ad al-Nādiri: 1997: 41).

- ii. Kata Sifat bagi mudhakkar yang berakal yang tiada tā' ta'nīth dan tidak termasuk dalam kategori Kata Sifat dalam kategori فَعْلَاءٌ → أَفْعَلُ atau kategori فَعْلَى → فَعْلَانُ. Contoh Kata Sifat yang boleh diJama'kan dengan Kata nama Jama' Mudhakkkar Salīm ialah:-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
قَارِئٌ	yang membaca	قَارِئُونَ
مُعَلِّمٌ	yang mengajar	مُعَلِّمُونَ
أَكْرَمٌ	yang mulia	أَكْرَمُونَ

Sekiranya Kata Sifat khusus untuk mu'annath seperti حَائِضٌ (perempuan yang didatangi haid) atau Kata Sifat khusus untuk mudhakkar yang tidak berakal seperti سَابِقٌ (nama bagi kuda) atau Kata Sifat Mudhakkar yang tidak berakal tetapi tidak diakhiri dengan tā' ta'nīth seperti عَلَامَةٌ (orang yang alim), maka ia tidak boleh dijadikan Kata nama Jama' Mudhakkkar Salīm.

Begitu juga Kata Sifat yang terbina dari kategori فَعْلَاءٌ → أَفْعَلُ seperti أَحْمَرٌ (yang merah) atau dari kategori فَعْلَى → فَعْلَانُ seperti سَكْرَانٌ (yang mabuk), atau Kata Sifat yang boleh digunakan untuk mudhakkar dan mu'annath

seperti حَرِيح (yang luka), tidak boleh dijadikan Kata nama Jama' Mudhaakkar

Salīm.

(Muhammad As'ad al-Nādiri: 1997:41).

Oleh yang demikian, kata nama ini tidak boleh diJama'kan dengan menggunakan pola Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm, sebaliknya hendaklah menggunakan pola Kata nama Jama' Taksīr. Kata nama Jama' bagi perkataan-perkataan di atas ialah:-

جَرَحِي dan سُكَارَى حُمُرُ

- iii. Kata nama pinjaman daripada bahasa asing yang berhubung dengan yā' nisbah, diJama'kan dengan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm, contohnya seperti mana berikut:-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
جِيُولُجِيّ	ahli geologi	جِيُولُجِيُون
فُونُولُجِيّ	ahli fonologi	فُونُولُجِيُون
جَعْرَفِيّ	ahli geografi	جَعْرَفِيُون

3.2 KAEDAH MENJADIKAN ISIM MAQŞŪR SEBAGAI KATA NAMA JAMA‘ MUDHAKKAR SALĪM.

Terdapat beberapa kaedah yang boleh dijadikan panduan bagi membentuk Kata nama Jama‘ Mudhakkār Salīm daripada Isim Maqşūr, antaranya:-

- i. Kaedah pertama untuk menjadikan Isim Maqşūr sebagai Kata nama Jama‘ Mudhakkār Salīm ialah dengan membuang huruf alif di akhir kata dan dibariskan dengan fathah pada huruf sebelum akhir, contohnya ialah:-

<u>Isim Maqşūr Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Isim Maqşūr</u> <u>Jama‘</u>	<u>Perubahan yang berlaku</u>
رَضَا	nama orang lelaki	رَضَوْنَ	Huruf alif pada akhir kata mufrad dibuang dan digantikan dengan fathah pada huruf sebelum akhir sebagai ganti huruf yang dibuang.
مُصْطَفَى	yang terpilih	مُصْطَفَوْنَ	Huruf alif pada akhir kata mufrad dibuang dan digantikan dengan fathah pada huruf sebelum akhir.

مُرْتَضَى

yang meredai

مُرْتَضُونَ

Huruf alif pada akhir kata
mufrad dibuang dan
digantikan dengan fathah
pada huruf sebelum akhir.

الأَوْفَى

yang sempurna

الأَوْفُونَ

Huruf alif pada akhir kata
mufrad dibuang dan
digantikan dengan fathah
pada huruf sebelum akhir.

المُجْتَبَى

yang diuji

المُجْتَبُونَ

Huruf alif pada akhir kata
mufrad dibuang dan
digantikan dengan fathah
pada huruf sebelum akhir.

- ii. Kata nama yang diakhiri dengan yā' hendaklah dibuang huruf yā' tersebut dan
dibariskan dengan dammat huruf sebelum akhir, contoh:-

Kata nama Tunggal

Makna

Kata nama Jama'

Perubahan yang berlaku

المَحَامِي

peguam

المَحَامُونَ

Ketika Jama' huruf yā'
digugurkan dan
digantikan baris kasrat

" م " kepada dammat

bersesuaian dengan huruf

" و " selepasnya.

3.3 KAEDAH MENJADIKAN ISIM MAMDŪD SEBAGAI KATA NAMA JAMA' MUDHAKKAR SALĪM.

Cara-cara untuk menjadikan Isim Mamdūd sebagai Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm ialah hampir sama dengan cara untuk menjadikan isim tersebut sebagai muthanna. Ini bermaksud, sekiranya ia terdiri daripada huruf asal maka hendaklah dikekalkan huruf tersebut dalam bentuk asal, contohnya perkataan **خَطَاءٌ**

(orang yang banyak melakukan kesalahan) akan menjadi **خَطَاوُنَ**, sebaliknya

jika huruf tersebut terdiri daripada huruf-huruf tambahan (**أَحْرُفُ الزِّيَادَةِ**), hendaklah

ditukarkan huruf tersebut kepada **و** (waw), contoh:-

زَكَرِيَاءُ

nama orang

زَكَرِيَاوُنَ

Sekiranya hamzah itu sebagai ganti daripada huruf asli atau huruf tambahan kerana ilḥāq, harus dikekalkan hamzah tersebut atau ditukarkan kepada huruf waw, contoh:-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
فِدَاءٌ	tebusan	فِدَاؤُنْ/فِدَاوُنْ
رَجَاءٌ	harapan	رَجَاؤُنْ/رَجَاوُنْ
عِلْبَاءٌ	urat leher	عِلْبَاؤُنْ/عِلْبَاوُنْ

(Muhammad As'ad al-Nādiri: 1997 : 43).

3.4 KATA NAMA MULḤAQ JAMA' MUDHAKKAR SALĪM.

Di dalam bahasa Arab terdapat perkataan-perkataan yang hampir sama dengan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm. Walaubagaimanapun, ia bukanlah Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm kerana ia tidak mencukupi syarat yang boleh menjadikannya sebagai Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm. Perkataan ini dikenali sebagai Kata nama Mulḥaq Jama' Mudhakkar Salīm, contohnya:-

- i. Sifat bagi Allah s.w.t, di mana ia didatangkan dengan Kata nama Jama' seperti firman Allah taala:-

((وَنَحْنُ الْوَارِثُونَ))

Maksudnya : dan Kami pulalah yang mewarisi. (al-Hijr: 23).

Begitu juga dengan firman Allah s.w.t yang berbunyi:-

((فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ الْقَادِرُونَ))

Maksudnya: lalu Kami tentukan (bentuknya), maka Kamilah sebaik-baik yang menentukan. (al-Mursalāt: 23).

Firman Allah dalam surah al-Zāriyāt yang berbunyi:-

((وَالسَّمَاءَ بَنَيْنَاهَا بِأَيْدٍ وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ))

Maksudnya :dan langit itu Kami bangun dengan kekuasaan (Kami) dan sesungguhnya kami benar-benar meluaskannya. (al-Zāriyāt: 47).

Perkataan-perkataan yang digariskan di atas adalah Kata nama Mulḥaq Jama‘ Mudhakkar Salīm.

- ii. Asma’ al-Jumu’ iaitu kata nama yang didatangkan dengan lafaz Jama‘ seperti أُولَئِكَ (mereka yang mempunyai) dan عَالِمُونَ (mereka yang alim), begitu juga bilangan untuk puluh (‘uqūd) seperti عِشْرُونَ (dua puluh), ثَلَاثُونَ (tiga

puluh), أَرْبَعُونَ (empat puluh) dan seterusnya merupakan Kata nama Mulḥaq

Jama' Mudhakkar Salīm.

Perkataan أَوْلُوْهُ adalah Kata Sifat yang tidak mempunyai lafaz mufrad

(Tunggal). Namun, terdapat perkataan lain yang sama maknanya iaitu صَاحِبٌ,

contohnya; جَاءَ أَوْلُو الْعِلْمِ (telah datang mereka yang mempunyai ilmu).

Manakala perkataan عَالِمُونَ bukanlah Kata nama Jama' bagi الْعَالَمِ kerana الْعَالَمِ

memberi maksud sesuatu yang selain daripada Allah. Begitu juga dengan

lafaz-lafaz khusus untuk bilangan dan 'uqūd merupakan perkataan-perkataan

yang tidak ada mufrad baginya dari segi lafaz dan makna.

- iii. Jama' Taṣḥīḥ yang tidak cukup syarat untuk dijadikan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm seperti; أَهْلُونَ (ahli-ahli), أَبَوْنَ (bapa-bapa), أَخَوْنَ (saudara-saudara), وَأَبْلُؤْنَ (orang-orang yang lemah atau banjir-banjir) dan lain-lain lagi.

Perkataan أَهْلُونَ adalah Jama' kepada أَهْلٌ, ia bukan daripada kata nama khas

(الْعَلَمِ) serta bukan Kata Sifat, akan tetapi ia termasuk dalam kategori Isim

Jamīd seperti perkataan رَجُلٌ, contoh:-

الأهلون أحرص على مستقبل أبنائهم (bapa-bapa bertungkus lumus untuk masa

depan anak-anak mereka).

Manakala perkataan أَبُون, أَخُون dan seterusnya, merupakan perkataan janggal

(jarang digunakan). Perkataan-perkataan tersebut merupakan perkataan yang

bukan terdiri daripada kata nama dan katasifat. Manakala perkataan وَأَبْلُون

merupakan kata nama yang tidak berakal.

(Muhammad As'ad : 1997 : 44.)

- iv. Jama' Taksīr seperti perkataan بَنُون (anak-anak lelaki), أَرْضُون (bumi tujuh), ذُرُون (kepunyaan) dan سِنُون (beberapa tahun), adalah terbina daripada kata nama thulāthiy yang digugurkan huruf akhir (lam kata) dan digantikan dengan tā' tetapi tidak dikasratkan. Perkataan-perkataan ini tidak sempurna mufradnya ketika ia dijadikan Kata nama Jama'. Oleh yang demikian, ia dipanggil Kata nama Jama' Taksīr.

Perkataan بَنُون (anak-anak lelaki) dari Kata nama Tunggal مفرد yang dibuang

huruf asalnya iaitu (ا) ketika Jama' serta diubah baris باء daripada sukūn

kepada fathah. Manakala perkataan asalnya ialah أَبُون. Begitu juga dengan

perkataan اَرْضُ (bumi) → اَرْضُونُ telah berlaku perubahan pada huruf راء dari

segi harakat ketika ia diJama'kan iaitu daripada sukūn kepada fathah .

Perkataan ذُو (mempunyai) pula ketika ia mufrad dibaca dengan baris

dammah iaitu ذُو.

Terdapat juga lafaz-lafaz yang didengar daripada percakapan orang-orang

Arab dengan menggunakan wazan سَنَّة ketika Jama' iaitu seperti perkataan-

perkataan di bawah :-

- عِزَّة (berkelompok atau kekuatan) akan menjadi عِزُون
- فِئَة (golongan) akan menjadi فِئُون
- رِئَة (paru-paru) akan menjadi رِئُون
- عِصَّة (terbagi-bagi atau yang menggigit) akan menjadi عِصُون
- ثُبَّة (berkelompok-kelompok atau cekal hati) akan menjadi ثُبُون
- قُلَّة (puncak gunung / tempayan air /) akan menjadi قُلُون

Terdapat juga penggunaan lafaz tersebut di dalam al-Quran sebagai firman Allah s.w.t dalam surah al-Mu'minūn ayat 112 yang berbunyi :

((قَالَ كَمْ لَبِثْتُمْ فِي الْأَرْضِ عَدَدَ سِنِينَ))

Maksudnya : Allah bertanya : “ Berapa tahunkah lamanya kamu tinggal di bumi ? ” .

Begitu juga dalam surah al-Hijr ayat 91 yang berbunyi :

((الَّذِينَ جَعَلُوا الْقُرْآنَ عِضِينَ))

Maksudnya : (iaitu) orang-orang yang telah menjadikan al-Quran itu pembohongan .

Dan juga disebut dalam surah al-Ma'aarij ayat 37 yang berbunyi :

((عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ عِزِّينَ))

Maksudnya : Dari kanan dan dari kiri dengan kelompok-kelompok .

3.6 KATA NAMA JAMA' MU'ANNATH SALĪM.

Kata nama Jama' Mu'annath Salīm ialah sejenis Kata nama Mu'annath yang ditambah pada akhirnya dengan huruf alif dan huruf tā' yang menunjukkan mu'annath (تاء التانيث). (Marji' al-Thullāb: 1999 : 140).

Oleh yang demikian , tidak menjadi kesalahan sekiranya ia dinamakan sebagai Kata nama Jama' Mu'annath Salīm kerana ia hanya berlaku perubahan pada pola kata nama daripada mufrad kepada Jama' . Contoh Kata nama Jama' Mu'annath Salīm ialah seperti berikut :-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
المُسْلِمَةُ	orang Islam perempuan	المُسْلِمَاتُ
المُؤْمِنَةُ	orang mukmin perempuan	المُؤْمِنَاتُ
الطَالِبَةُ	orang pelajar perempuan	الطَالِبَاتُ

3.7 HUKUM KATA NAMA JAMA' MU'ANNATH SALĪM.

Kata nama Jama' Mu'annath Salīm dibaca dengan dammaṭ ketika rafa' dan dibaca dengan kasraṭ ketika naṣab dan jar. Contohnya adalah seperti berikut :-

Kata nama Jama' Mu'annath

Makna

الْمُتَفَوِّقَاتُ كَثِيرَاتٌ

orang-orang yang cemerlang adalah ramai.

صَافَحْتُ الْمُتَفَوِّقَاتِ

saya berjabat tangan dengan orang yang cemerlang.

قَرَأْتُ عَشْرَ صَفَحَاتٍ

saya membaca sepuluh muka surat.

Syarat bagi Kata nama Jama' Mu'annath Salīm ialah mesti ada alif dan tā', serta kedua-duanya adalah huruf zāidat (tambahan), sekiranya huruf itu terdiri daripada huruf asal ia tidak termasuk dalam Kata nama Jama' Mu'annath Salīm . Sebagai contoh perkataan أَبْيَاتُ (beberapa buah rumah) , أَوْقَاتُ (beberapa waktu) dan أَمْوَاتُ (mati).

Begitu juga dengan perkataan-perkataan seperti بُنَاةٌ (pembina-pembina bangunan lelaki) , حُمَاةٌ (pengawal -pengawal / penjaga -penjaga lelaki) , قُضَاةٌ (qadhi - qadhi) dan lain-lain lagi tidak termasuk Kata nama Jama' Mu'annath Salīm kerana alif yang terdapat pada perkataan tersebut adalah huruf asal . Oleh yang demikian ia merupakan Kata nama Jama' Taksīr .

3.7 SYARAT-SYARAT UNTUK MEMBENTUK KATA NAMA JAMA' MU'ANNATH SALĪM.

Para ulama' telah menetapkan beberapa kaedah atau syarat bagi pembentukan Kata nama Jama' Mu'annath Salīm, antaranya:-

- i. Ia mesti kata nama bagi feminin yang diakhiri dengan alamat tā' nith seperti سَمِيرَةٌ, نَجْوَى dan لَمِيَاءُ atau kata nama bagi feminin yang tidak diakhiri dengan tā' ta'nīth tetapi ia memberi makna mu'annath seperti نَوَالٌ, سَعَادٌ dan لَمِيَّاتٌ, نَجْوِيَّاتٌ, سَمِيرَاتٌ. Kata nama Jama' bagi perkataan tersebut ialah تَمَامٌ. Kata nama Jama' bagi perkataan tersebut ialah تَمَامَاتٌ, سَعَادَاتٌ dan نَوَالَاتٌ.

(Muhammad As'ad al-Nādiri : 1997: 48).

- ii. Kata nama yang diakhiri dengan tā' zāidat, seperti :-

- a) Tā' untuk ta'nīth عَامِلَةٌ (pekerja perempuan)
- b) Untuk tā' wīd (تعويض → gantian) seperti زِينَةٌ (perhiasan)

c) Untuk al-mubalaghah (melebih-lebihkan) seperti

عِلْمَةٌ (yang banyak ilmu pengetahuan) .

d) Nama bagi manusia seperti; سَمِيحَةٌ

e) Kata nama yang diakhiri dengan tā' ta'nīth seperti صِنَاعَةٌ (perkilangan) dan

مُعَلِّمَةٌ (seorang guru perempuan) . Ia tidak kira sama ada mu'annath secara

lafzi dan maḵnawiy seperti غَادَةٌ (nama perempuan atau wanita remaja) atau

secara lafzi sahaja seperti طَلْحَةٌ . Lafaz Kata nama Jama' bagi perkataan

tersebut ialah; طَلْحَاتٌ , غَادَاتٌ , مُعَلِّمَاتٌ , صِنَاعَاتٌ , سَمِيحَاتٌ , زَنَاتٌ , عَامَلَاتٌ .

(Muhammad As'ad al-Nādiri: 1997 : 49).

Walaubagaimanapun, berlaku pengecualian pada perkataan-perkataan tertentu di mana ia tidak boleh dijadikan Kata nama Jama' Mu'annath Salīm, sebaliknya ia mesti dijadikan Kata nama Jama' Taksīr . Perkataan-perkataan tersebut seperti مَلَّةٌ , اِمْرَاَةٌ , شَاةٌ , شَفَّةٌ , اُمَّةٌ , اُمَّةٌ . Pola Kata nama Jama'

bagi perkataan tersebut ialah :-

Kata nama Tunggal

اِمْرَاَةٌ

Makna

Seorang perempuan

Kata nama Jama'

اِمْرَاَتٌ

شَاةٌ	Seekor kambing	شِيَاةٌ
شَفَاةٌ	bibir	شِفَاةٌ
أُمَّةٌ	Satu bangsa	أَمَمٌ
أَمَةٌ	Seorang hamba	إِمَاءٌ
مِلَّةٌ	agama	مِلَلٌ

- iii. Kata nama jenis mu'annath iaitu kata nama yang diakhiri dengan alif ta'nīth maqṣūrat dan alif ta'nīth mamdūdāt, samada ia merupakan kata nama bagi manusia seperti صَحْرَاءٌ, سَلَمَى dan زَهْرَاءُ atau Kata Sifat seperti حُبْلَى (seorang perempuan yang hamil), فَضْلَى (seorangwanita yang mulia) dan حَسَنَاء (seorang wanita yang cantik). Pola Kata nama Jama' bagi perkataan-perkataan tersebut ialah فَضْلَيَاتٌ, حُبْلَيَاتٌ, زَهْرَاوَاتٌ, صَحْرَاوَاتٌ, سَلَمَيَاتٌ dan حَسَنَاوَاتٌ.

Walaubagaimanapun, bagi kata nama yang terbina dari wazan فَعْلَانٌ→فَعْلَى seperti سَكْرَانٌ→سَكْرَى (yang mabuk) tidak boleh dikatakan سَكْرَيَاتٌ. Begitu juga, kata nama yang terbina dari wazan فَعْلَاءٌ→أَفْعَلٌ seperti حَمْرَاءٌ (yang merah)

tidak boleh dikatakan حَمْرَاوَاتٌ, sebagaimana ia juga tidak boleh diJama'kan dengan Kata nama Jama' Mudhakkar Salīm.

- iv. Isim Taṣghīr (mimitan) yang mudhakkar bagi benda seperti قُمْمِيرٌ (bulan kecil), دُرَيْهَمٌ (wang perak) dan حُمَّى (penyakit demam) diJama'kan seperti berikut:- قُمْمِيرَاتٌ, دُرَيْهَمَاتٌ dan حُمِيرَاتٌ. Ianya berbeza dengan Isim Taṣghīr Mu'annath kerana ia tidak boleh diJama'kan dengan Kata nama Mu'annath Salīm.
- v. Sifat bagi mudhakkar yang tidak berakal seperti : جِبَالٌ عَالِيَاتٌ (gunung-gunung yang tinggi), شَوَارِعٌ وَاسِعَاتٌ (jalan-jalan yang luas) dan أَيَّامٌ خَالِيَاتٌ (hari-hari yang lalu).
- vi. Kata nama yang tidak berakal yang disandarkan kepada lafaz " ذُو " dan اِبْنُ seperti اِبْنُ آوَى (anjing hutan), ذُو الْقَعْدَةِ (bulan zulqi'dah), اِبْنُ عَرَسٍ (sejenis tupai atau musang) dan ذُو الْحِجَّةِ (bulan Zulhijjah). Bentuk Jama'nya ialah;

ذَوَاتُ الْقَعْدَةِ , بُنَاتُ عَرَسٍ dan بُنَاتُ أَوَى , iaitu dengan menJama'kan lafaz

mudāf dan dikekalkan mudāf ilaih dalam bentuk mufrad.

- vii. Kata nama khas atau kata nama am yang diakhiri dengan tā' ta'nīth seperti :

شَجَرَةٌ (pokok), ثَمَرَةٌ (buah), مُحْتَشِدَةٌ (yang rajin) , مَقْلَمَةٌ (kotak pensel) dan

طَلْحَةٌ. Cara untuk menJama'kannya ialah dengan menggugurkan tanda ta'nīth

diakhirnya iaitu tā' marbutah , kemudian ditambah alif dan tā' . Hasil daripada penambahan dan pembuangan huruf-huruf tersebut maka ia akan menjadi طَلْحَاتٌ , مَقْلَمَاتٌ , مُحْتَشِدَاتٌ , ثَمَرَاتٌ , سَجَرَاتٌ .

- viii. Kata nama yang terbina daripada wazan khumāsiy yang tidak boleh dijadikan

Kata nama Jama' Taksīr seperti حَمَامٌ (merpati) , سُرَادِقٌ (khimah) dan اسْطَبَلٌ

(kandang binatang), maka Kata nama Jama'nya ialah حَمَامَاتٌ , سُرَادِقَاتٌ dan

اسْطَبَلَاتٌ .

(Muhammad As'ad al - Nādiri : 1997 : 50).

- ix. Kata nama Tunggal yang terhasil daripada kata nama pinjaman daripada bahasa asing , diJama'kan dengan Kata nama Jama' Mu'annath Salīm, sebagaimana berikut dan hendaklah diqiaskan bagi perkataan-perkataan yang lain.

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
رَادِيُو	radio	رَادِيُهَات
تَلِفُون	talifon	تَلِفُونَات
تَلِغْرَاف	telegram	تَلِغْرَافَات

3.8 CARA-CARA UNTUK MENUKARKAN ISIM MAQŞŪR KEPADA KATA NAMA JAMA' MU'ANNATH SALĪM.

Hukum alif ta'nīth maqşūrāt ketika Kata nama Jama' Mu'annath Salīm seperti hukum ketika tathniyah (تَثْنِيَّة). Antara syarat-syaratnya adalah seperti berikut:-

- i. Sekiranya Isim Maqşūr daripada wazan thulāsthiy hendaklah dikembalikan alifnya kepada asal sama ada huruf asal tersebut waw atau yā'. Contohnya perkataan رَشَا (rasuah), رَنَّا (dentuman) dan هُدَى (petunjuk), كُدَى (embun) merupakan Kata nama khas bagi mu'annath. Pola Kata nama Jama' Mu'annath Salīm bagi perkataan tersebut ialah رَشَوَات, رَنَوَات, هُدَيَات dan كُدَيَات.
- ii. Manakala Isim Maqşūr yang terbina daripada wazan rubā'iy, khumāsiy dan sudāsiy, hendaklah ditukarkan huruf alif kepada huruf yā'. Contohnya :-

مُصْطَفَيَاتُ (nama orang lelaki) → مُصْطَفَى, سَعِيَاتُ (nama orang lelaki) → سَعْدَى

مُسْتَفِيَاتُ (hospital) → مُسْتَشْفَى dan

iii. Bagi isim yang diakhiri dengan alif maqṣūrat, ketika menJama'kannya hendaklah digugurkan huruf tā' marbūṭat dan ditukarkan kepada huruf alif, waw atau yā', sebagaimana berikut :-

a) Sekiranya alif itu berlaku pada huruf ketiga, hendaklah dikembalikan huruf alif kepada huruf asalnya, samada huruf asal tersebut waw atau yā', contohnya :-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
صَلَاةٌ	sembahyang	صَلَوَاتٌ
فَنَاءٌ	terusan air	فَنَوَاتٌ
فَتَاةٌ	pemudi	فَتَيَاتٌ

b) Sekiranya huruf asal itu adalah huruf yā' dan huruf yang sebelumnya juga huruf yā', hendaklah ditukar kepada waw supaya tidak terkumpul dua yā' yang fathah dalam satu perkataan, contohnya : حَيَاةٌ (kehidupan) → حَيَوَاتٌ .

c) Sekiranya alif maqṣūrat berada pada huruf yang keempat, kelima atau keenam hendaklah ditukar alif tersebut kepada yā'. Contohnya :-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
مُتَّقَاةٌ	yang bersih	مُتَّقَاتٌ
مُسْتَوْحَاةٌ	yang diilhamkan	مُسْتَوْحَاتٌ
مُشْتَرَاةٌ	yang dibeli	مُشْتَرَاتٌ

- d) Sekiranya terkumpul tiga yā' dalam satu perkataan disebabkan oleh Isim Taṣghīr (mīmitan) yang Maqṣūr hendaklah dihapuskan yā' yang mengikuti yā' taṣghīr , contohnya :-

ثُرَيَّا (bintang Thurayya) → ثُرَيَّاتٌ .

3.9 CARA-CARA UNTUK MENUKARKAN ISIM MAMDŪD KEPADA KATA NAMA JAMA' MU'ANNATH SALĪM.

Cara menukarkan Isim Mamdūd kepada Kata nama Jama' Mu'annath Salīm adalah sama dengan cara untuk menjadikan Kata nama Muthanna, iaitu sebagaimana berikut:-

- i. Sekiranya huruf hamzah mamdūd itu adalah huruf asal , maka dikekalkan huruf hamzah tersebut . Contohnya :-
(Muhammad As'ad: 1997 : 51).

قُرَاءٌ (pembaca) → قُرَآءَاتٌ .

- ii. Sekiranya huruf hamzah merupakan huruf tambahan untuk ta'nīth , ia ditukar kepada huruf waw, contohnya :-

حَسَنَاءٌ (wanita yang cantik) → حَسَنَآوَاتٌ .

Jika ia adalah gantian daripada huruf asal atau huruf al-zāidat (tambahan) dengan sebab ilḥāq , hukumnya harus dikekalkan huruf hamzah atau ditukar kepada huruf waw . Maka terdapat dua keadaan Jama' bagi perkataan seperti ini . Contohnya :-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
رَجَاءٌ	harapan	رَجَآءَاتٌ / رَجَاوَاتٌ
سَنَاءٌ	ketinggian	سَنَآءَاتٌ / سَنَاوَاتٌ
عُلْبَاءٌ	nama perempuan	عُلْبَآءَاتٌ / عُلْبَوَاتٌ

3.10 CARA-CARA UNTUK MENUKARKAN KATA NAMA THULĀTHIY SĀKIN ‘AIN KEPADA KATA NAMA JAMA‘ MU‘ANNATH SALĪM.

Kata nama thulāthiy sākīn ‘ain ialah kata nama yang terdiri dari tiga huruf yang mana huruf tengahnya berbaris sukūn (mati). Kata nama tersebut boleh dijadikan Kata nama Jama‘ Mu‘annath Salīm sebagai mana berikut:-

(Muhammad As‘ad al-Nādiri : Nahu Lughah al- Arabiyah: 52).

- i. Kata nama Mufrad thulāthiy yang fā’nya berbaris fathah , ‘ainnya huruf ṣaḥīḥ berbaris mati dan sunyi daripada idgham , maka wajib difathahkan ‘ain kerana mengikuti fā’ , contohnya :-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama‘</u>
دَعْد	nama perempuan/beberapa daun	دَعْدَات
فَتْحَة	sekali buka	فَتْحَات
لَمْحَة	sekali toleh	لَمْحَات
نَحْلَة	seekor lebah	نَحْلَات

- ii. Kata nama thulāthiy yang fā’nya berbaris dammat atau kasrat serta ‘ainnya huruf ṣaḥīḥ berbaris sākīn dan sunyi daripada idgham, harus diJama‘kan dengan tiga keadaan iaitu:-

a) 'ain kata mengikut fā' kata , contoh:-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama'</u>
غُرْفَةٌ	bilik	غُرُفَاتٌ
كُرْبَةٌ	kesusahan	كُرُبَاتٌ
عُطْلَةٌ	percutian	عُطُلَاتٌ
نِعْمَةٌ	kenikmatan	نِعِمَاتٌ
هِنْدٌ	nama orang	هِنْدَاتٌ

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kata yang 'ainnya berbaris sukūn, ditegah daripada mengikuti baris fā kerana berlaku kesukaran untuk menyebutnya. Oleh yang demikian, dikekalkan dengan baris sukūn atau difathahkan , contohnya :-

ذُرُوءٌ ، ذِرَواتٌ → (puncak) ذِرْوَةٌ

كُنِيَّاتٌ ، كُنِيَّاتٌ → (gelaran) كُنْيَةٌ

b) 'Ain kata berbaris di atas , contohnya :-

كُرْبَاتٌ - عَطَلَاتٌ - هِنْدَاتٌ - بَدْعَاتٌ - نِعَمَاتٌ - غُرَفَاتٌ .

- c) Mengekalkan huruf ‘ain dengan berbaris mati , contohnya :-

كُرْبَاتٌ - عَطَلَاتٌ - هِنْدَاتٌ - بَدْعَاتٌ - نِعَمَاتٌ - غُرَفَاتٌ .

- iii Terdapat juga perkataan – perkataan yang tidak boleh diubah kedudukan baris.

Ia terbahagi kepada beberapa kumpulan iaitu :-

- a) Kata nama yang terbina daripada wazan rubāiy , contohnya :-

زَيْبَاتٌ → زَيْبٌ dan سُعَادَاتٌ → سُعَادٌ

- b) Kata Sifat, contohnya :-

ضَحَمَاتٌ (yang besar) → ضَحْمَةٌ dan عِبَلَاتٌ (yang besar) → عِبْلَةٌ .

- c) Kata nama yang berbaris di tengah , contohnya :-

<u>Kata nama Tunggal</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata nama Jama‘</u>
نَمِرَةٌ	Seekor harimau betina	نَمِرَاتٌ
ثَمَرَةٌ	Sebiji buah	ثَمَرَاتٌ

عَنْبَة

Sebiġianggur

عَنْبَات

- d) ‘Ain terdiri daripada huruf ‘illat , contohnya :-

Kata nama TunggalMaknaKata nama Jama‘

سُورَة

Satu surah

سُورَات

بَيْضَة

sebiġi telur

بَيْضَات

جَوْزَة

Sebiġi buah jus

جَوْزَات

(Muhammad As‘ad al-Nādiri :1997 : 52).

Mengikut dialek Hudhail huruf‘illat dibariskan dengan baris fathah

contohnya :-

دِيمَة (hujan yang turun secara tiba-tiba didahului dengan kilat dan petir) →

يَتَعَاتُ → بَيْعَة, صُورَاتُ → (gambar) صُورَة, دِيمَاتُ

(Ibn Hisyām : Auḍāh al-Masālik: 275)

- e) ‘Ain kata diidghamkan , contohnya :-

حُجَّاتُ → (dalil) حُجَّة

حَجَّات (akal) → حَجَّة

حَجَّة (apa yang digantung ditelinga atau cuping telinga) → حَجَّات

(Ibn Hisyām:1989: 276).

3.12 KATA NAMA MULHAQ JAMA' MU'ANNATH SALĪM.

Kata nama Mulhaq Jama' Mu'annath Salīm bermaksud perkataan yang bentuknya menyerupai Kata nama Mu'annath Salīm tetapi bukan pada hakikatnya . Ini kerana ia tidak memenuhi syarat-syarat yang membolehkan ia dikatakan sebagai Kata nama Mu'annath Salīm . Perkataan yang menyerupai Kata nama Jama' Mu'annath Salīm terbahagi kepada beberapa bahagian :-

- i. Perkataan " أُولَات " bermaksud " صَاحِبَات "

Perkataan tersebut bukan daripada Jama' kerana tidak ada Kata nama Tunggal bagi perkataan " أُولَات " . Tetapi ia mempunyai Kata nama Tunggal bagi maknanya sahaja iaitu " ذَات " yang bermaksud " صَاحِبَة " .

Perkataan " أُولَات " tidak digunakan melainkan ketika idāfat dan iannya tidak boleh ditanwīnkan , contohnya :-

بَنَاتُكَ أُولَاتُ أَدَبٍ

(anak-anak perempuan kamu mempunyai adab).

وَجَدْتُ أَخَوَاتِكَ أُولَاتِ عِلْمٍ

(aku dapati saudara-saudara perempuan kamu mempunyai ilmu).

أَخَذْتُ الْعِلْمَ عَنْ مُعَلِّمَاتٍ أُولَاتِ تَقَافٍ وَاسِعَةٍ

(aku mempelajari ilmu daripada guru-guru yang mempunyai pengetahuan yang luas).

- ii. Kata nama bagi maskulin , feminin dan kata nama yang tidak berakal ,
contohnya :-

عِنَايَاتٌ (beberapa unta), جَمَالَاتٌ (nama orang atau beberapa perhiasan), زِينَتٌ

(nama orang atau beberapa petunjuk), عِزَّاتٌ (nama orang atau beberapa

ketinggian), عَرَفَاتٌ (tempat berhampiran dengan

Mekah yaitu tempat wuquf orang mengerjakan haji) dan أَذْرَعَاتٌ (daerah di

negeri Syām atau ukuran mengikut hasta).

(Muhammad As‘ad al-Nādiri :1997 : 53).

3.12 PENUTUP.

Dalam bab ini, secara keseluruhannya penulis telah membincangkan tentang kata nama Jama' Mudhakkār Sālim dan Muannath Sālim serta bagaimana cara pembentukan diantara keduanya.

Di sini dapat penulis simpulkan bahawa Jama' Mudhakkār Sālim ialah perkataan yang menunjukkan bilangan banyak, ia berlaku penambahan di akhir huruf iaitu huruf waw dan nun . Manakala Jama' Muannath Sālim pula ialah berlaku penambahan di akhir huruf iaitu alif dan ta'.

Walaupun kedua-dua Jama' tersebut berlaku padanya penambahan di akhir huruf, namun keadaan huruf asal turut terpelihara keasliannya, sebab itulah ia membawa maksud Sālim iaitu sempurna atau terjaga huruf asal dari segi kedudukan huruf serta barisnya.

BAB 4 KATA NAMA JAMA' TAKSĪR.

4.0 PENGENALAN.

Kata nama Jama' Taksīr bermaksud perkataan yang menunjukkan bilangan lebih daripada dua dan berlaku perubahan pada pola Kata nama Tunggal. Perubahan-perubahan itu boleh berlaku dalam banyak keadaan seperti:-